

KERATAN AKHBAR

AKHBAR: SINAR HARIAN

MUKA SURAT: 20

Bicara kes Adib akan dipercepatkan

Susulan pelantikan
Peguam Negara
yang baharu

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

PUTRAJAYA

Kerajaan akan memastikankan kes perbicaraan kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim dapat dipercepatkan susulan pelantikan Peguam Negara yang baharu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin menyifatkan proses bagi memulakan sesi perbicaraan kes anggota bomba terbabit di mahkamah sebelum ini memakan masa.

"Ketika itu di bawah Peguam Negara yang lama (Tan Sri Tommy Thomas), dia mengambil masa sedikit untuk memulakan sesi perbicaraan dan kita harap

perbicaraan (kes) ini dapat dipercepatkan.

"Peguam Negara (AG) yang baharu sudah dilantik dan kita akan bawa (kes itu) kepada AG yang baharu. Saya belum berjumpa dengan AG yang baharu namun akan berbuat demikian dalam masa terdekat ini," katanya di sini semalam.

Zuraida berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Sambutan Ketibaan Menteri dan Timbalan Menteri Baharu di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di sini.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Seri Dr Ismail Abd Mutalib.

Dalam perkembangan lain, Zuraida menegaskan akan meneruskan dasar-dasar yang telah digubal oleh KPKT sebelum ini iaitu ketika beliau menyandang jawatan sama sebagai Menteri KPKT.

Menurutnya, dasar-dasar yang baik sebelum ini akan diteruskan dan sudah berada di



Zuraida (empat dari kiri) menadah tangan ketika bacaan doa pada majlis sambutan ketibaannya di KPKT Putrajaya semalam.

peringkat pelaksanaan antaranya dasar kebersihan negara, memperkasakan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kebombaanan.

Sementara itu, bekas Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu juga menepis dakwaan bahawa ahli Parlimen daripada kem bekas Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali seolah-olah mendapat habuan apabila hampir kesemuanya diberikan jawatan

dalam Kabinet.

Zuraida berkata, jawatan diterima mereka bukanlah habuan sebaliknya diberikan mengikut kesesuaian.

"Bukan isu habuan. Dalam komponen itu adalah komponen Bersatu (Parti Pribumi Bersatu Malaysia). Jadi bila komponen Bersatu menjadi satu daripada komponen yang terbesar, jadi diberikan mengikut kesesuaian sebenarnya.

"Tak ada isu itu (habuan). Yang lain itu ramai, yang ini (bekas PKR) hanya 10 (orang). Jadi (jumlah) dia sedikit, mudahlah untuk dihabiskan (diberikan jawatan bersesuaian)," katanya.

Terdahulu, sembilan daripada 10 ahli Parlimen daripada kem Mohamed Azmin yang menyokong pembentukan kerajaan baharu mendapat jawatan dalam Kabinet sama ada sebagai menteri atau timbalan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN